

TEKS UCAPAN ALUAN

NAIB CANSELOR

PERTANDINGAN AKHIR DEBAT ALAM SEKITAR ANTARA

INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI KALI KE 26 TAHUN 2019

SEMPENA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA

(HASN) 2019

PADA 03 NOVEMBER 2019 (AHAD)

BERTEMPAT DI DEWAN AL – MUKTAFI BILLAH SHAH

(DABS) UniSZA

PEMBUKA KATA

**Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan Salam
Sejahtera.**

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT di atas limpah dan kurniaNYA, yang memanjangkan usia, mengurniakan kesempurnaan akal, menganugerahkan kesihatan jasad dan memberikan keupayaan hingga membolehkan kita semua berhimpun dan bertemu di dalam dewan ini untuk menyaksikan Pertandingan Akhir Debat Alam Sekitar Antara Institusi

Pendidikan Tinggi Kali Ke 26 Tahun 2019 Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2019.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kesudian Yang Berbahagia Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis, merangkap Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) yang sudi hadir bagi memeriahkan lagi Pertandingan Akhir Debat Alam Sekitar Antara Institusi Pendidikan Tinggi Kali Ke 26 Tahun 2019 Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2019.

Sungguh cantik tuan puteri,
Tersenyum manis berseri-seri,
Terima kasih ucapan diberi,
Kerana sudi datang ke mari.

Para Hadirin sekalian,

Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) kerana telah memilih dan memberikan kepercayaan kepada UniSZA untuk menjadi tuan rumah pada kali ini.

Setinggi-tinggi tahniah juga saya ucapkan kepada jawatankuasa pelaksana kerana telah bertungkus-lumus memastikan kelancaran perjalanan sepanjang pertandingan ini berlangsung. Hanya Allah yang mampu membala jasa baik anda semua. Pengorbanan dan usaha gigih anda

semua amat saya hargai. Saya percaya tanpa kerja keras dan iltizam yang sentiasa membara dalam jiwa dan sanubari setiap insan, majlis seumpama ini sukar dilaksanakan. Ibarat kata bijak pandai, "Pisang Sesikat, Susu Sebelanga, Tanda Bermuafakat Bersama-Sama."

UniSZA MELESTARIKAN ALAM SEKITAR

Para Hadirin sekalian,

1. Pertandingan Debat Alam Sekitar Antara Institusi Pengajian Tinggi pertama kalinya telah diadakan pada tahun 1986. Walau bagaimanapun ia menjadi acara tahunan bermula tahun 1991 setelah kerajaan Malaysia mengisytiharkan 21 Oktober setiap tahun sebagai Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM).
2. Bagi meneruskan kesenambungan ini, UniSZA berasa sangat bertuah kerana diberi peluang untuk menjadi tuan rumah bagi Pertandingan Akhir Debat Alam Sekitar Antara Institusi Pendidikan Tinggi Kali Ke 26 Tahun 2019 Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2019.
3. Di antara program yang dilaksanakan berkaitan alam sekitar terdiri daripada kesukarelawan UniSZA, menganjurkan program Ekspedisi saintifik Pacuan Empat Roda melibatkan kerjasama Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI) dan Universiti Sultan

Zainal Abidin (UniSZA) dan juga UniSZA mempunyai Fakulti Biosumber & Industri Makanan (FBIM) yang berkonsep melestarikan alam sekitar.

Para Hadirin sekalian,

4. Pertandingan Debat Alam Sekitar Antara Institusi Pengajian Tinggi Malaysia ini merupakan satu aktiviti tahunan yang diharapkan dapat meningkatkan pengetahuan dan kesedaran di kalangan mahasiswa tentang pelbagai isu dan permasalahan alam sekitar. Ia juga dapat membentuk budaya berfikir dan berdebat di kalangan mahasiswa. Disamping itu, UniSZA berpeluang dapat meluaskan jaringan kerjasama antara institusi pengajian tinggi di Malaysia, tidak kira awam atau pun swasta bagi membolehkan proses perkongsian ilmu berlaku.

PENDIDIKAN MENENTUKAN KEBERTERUSAN KEHARMONIAN ALAM SEKITAR

Para Hadirin sekalian,

1. Pendidikan merupakan medium terbaik untuk menerapkan kesedaran alam sekitar dan konsep pembangunan lestari kepada masyarakat umum. Sesuatu proses pembelajaran yang efektif akan melahirkan individu dan masyarakat yang intelek, peka, aktif, memahami serta mampu mengenalpasti sesuatu perkara sama ada baik ataupun buruk. Salah satu cara yang efektif untuk menangani isu-isu alam sekitar yang kian meruncing ialah melalui pendidikan alam sekitar.

2. Pendidikan ini merangkumi institusi yang paling bawah iaitu sekolah rendah sehingga ke peringkat yang lebih tinggi iaitu pengajian tinggi. Institusi pendidikan merupakan medan yang sesuai untuk mendidik dan membentuk sikap terhadap alam sekitar bagi generasi baru yang merupakan pewaris kepada alam sekitar di masa hadapan.
3. Matlamat pendidikan alam sekitar adalah untuk membentuk masyarakat (pelajar) yang lebih peka dan prihatin terhadap isu-isu alam sekitar serta memperoleh pengetahuan, kemahiran, nilai dan komitmen untuk berusaha dan bertindak secara individu atau bersama ke arah penyelesaian isu-isu alam sekitar.
4. Maka sistem pendidikan alam sekitar harus melihat dari aspek perubahan kesedaran dan seterusnya boleh membawa kepada perubahan kepada amalan. Seseorang yang hanya mempunyai kesedaran tentang alam sekitar belum lagi boleh dikatakan seorang yang "Celik alam Sekitar". Pemahaman hendaklah diiringi dengan kemampuan mempraktiskannya dalam bentuk tingkah laku yang boleh membantu mengurangkan masalah pencemaran. Antaranya seseorang itu melakukan aktiviti kitar semula, berkongsi kereta, mengamalkan penggunaan tenaga secara berhemah serta mampu mengenepikan kemudahan yang ada dalam teknologi semasa demi untuk memelihara alam sekitar. Sistem pendidikan seharusnya dapat menimbulkan kesedaran dan meningkatkan amalan pelajar.

HARAPAN

Harapan saya kepada anda semua, walaupun anda berprogram, tanggungjawab sebagai pelajar yang mengejar kecemerlangan akademik janganlah diabaikan begitu sahaja. Pada zaman serba canggih dan maju masa kini, pencapaian akademik amat penting dalam memastikan anda mendapat tempat yang baik di alam pekerjaan.

PENUTUP

Sebagai penghujung bicara, saya ingin menekankan sekali lagi bahawa UniSZA sentiasa menyokong segala usaha pemeliharaan alam sekitar. Hal ini kerana, tugas ini bukan semata-mata tugas JAS, tetapi juga tugas dan tanggungjawab semua. Saya berharap agar kerjasama antara UniSZA, MADUM dan JAS akan diteruskan pada masa yang akan datang. Sekali lagi saya bagi pihak UniSZA, ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak JAS, dan pihak yang berkaitan atas kesudian memilih UniSZA sebagai tuan rumah untuk pertandingan debat alam sekitar kali ke 26 tahun 2019. Di kesempatan ini saya ingin memohon ampun dan maaf sekiranya terdapat sebarang kekurangan dan kekhilafan sepanjang pengendalian penganjuran Pertandingan Debat Alam Sekitar ini oleh pihak kami. Tahniah diucapkan kepada para peserta debat yang telah bertanding dan menunjukkan bakat. Penyertaan dan kehadiran anda semua, telah menyemarakkan dan memeriahkan lagi pertandingan kali ini. Kepada yang bakal beroleh kemenangan nanti saya ucapkan syabas dan yang tidak menang kita terus berusaha pada tahun akan datang. Apa yang pasti tiada menang ataupun kalah di dalam

pertandingan ini, kerana pemenang sebenar adalah kejayaan kita semua untuk memastikan alam sekitar yang kita sayangi ini terus terpelihara dan dilindungi untuk kelangsungan tamadun manusia dan generasi

Sekian, saya Sudah ucapan dengan Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.